

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 11 (A104)**

Sila nyatakan peralatan yang boleh dimohon bawah Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP) dan jumlah bantuan yang telah diluluskan sejak Mac 2022 sehingga sekarang.

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP), merupakan **projek menjana pendapatan wanita sejak 2003**. Program ini mensasarkan **bantuan peralatan perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil dan usahawan *home-based business* wanita di kalangan ibu tunggal, wanita B40 dan usahawan suri YPKDT**. Sebelum menyerahkan skim bantuan kepada peserta yang memohon, YPKDT akan menyiasat dan membuat sesi lawatan ke rumah dan kediaman peserta. Sekiranya peserta mempunyai perniagaan sendiri, YPKDT juga akan menjalankan siasatan awal dan lawatan ke premis perniagaan mereka bagi tujuan temubual dan mendapatkan maklumat.

Bagi **tahun 2022, YPKDT telah meluluskan sebanyak 187 permohonan seluruh Negeri Johor** bagi menerima skim bantuan peralatan dan membantu mereka mengembangkan lagi perniagaan sedia ada. Antara peralatan yang boleh dimohon adalah dalam pelbagai bidang perniagaan seperti bidang masakan dan kulinari, jahitan dan pakaian, pembuatan kraf, pertanian, penternakan, perikanan, permotoran, spa dan kecantikan, urutan, percetakan, dan lain-lain bidang yang bersesuaian.

Namun begitu, kelulusan skim bantuan peralatan adalah tertakluk kepada beberapa syarat dan terma iaitu :

- i. Barang dan peralatan yang dimohon tidak melebihi harga syiling yang ditetapkan oleh jabatan iaitu RM3,000.00 hingga RM5,000.00 sahaja.
- ii. Barang dan peralatan yang dimohon boleh diukur dan dipantau prestasi penggunaannya iaitu seperti mesin dan sebagainya, bukan bahan habis guna seperti manik baju, bahan mentah dan lain-lain lagi.
- iii. Barang dan peralatan yang dimohon bersesuaian dengan jenis perniagaan dan keperluan pemohon.
- iv. Namun begitu, segala kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP) di

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

peringkat YPKDT yang akan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif YPKDT.

Berikut adalah contoh-contoh mesin atau bantuan peralatan yang boleh dimohon tertakluk kepada kapasiti dan harga:

BIL	PERKARA
1.	<i>Freezer</i> 200 L
2.	<i>Chiller</i> 1 Pintu 220 L
3.	<i>Mixer</i> B20
4.	<i>Mixer</i> B30
5.	<i>Blender Heavy Duty</i>
6.	Oven Elektrik
7.	Oven Gas
8.	Dapur 2 Tungku Stainless Steel
9.	Mesin Jahit Lurus
10.	Mesin Jahit Tepi
11.	Mesin Jahit Sulam
12.	Mesin Jahit Berkomputer
13.	Penapis Air (Perikanan)
14.	Mesin Penapis Minyak
15.	Mesin Pengisar Ais
16.	Dapur Roti Canai
17.	Pembakar Satey
18.	<i>Deep Fryer</i>
19.	Mesin Pengisar Rempah
20.	Periuk Nasi Industri
21.	Kuali Besar
22.	Katil Urutan Spa
23.	Stall Berbumbung
24.	<i>Mobile Spa</i>
25.	<i>Printer</i>
26.	<i>Sealer</i>
27.	Mesin Pengisar Lada
28.	Mesin Pemetong Sayur
29.	Kuali Industri `
30.	Dan lain-lain lagi

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 12 (A23)

Apakah langkah-langkah persediaan untuk menghadapi banjir yang mungkin melanda Johor pada musim hujan ini?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)

SOALAN 13 (A112)

Nyatakan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri Johor untuk memastikan koordinasi bagi setiap agensi kerajaan bagi menghadapi musim banjir.

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 14 (A143)

Pada musim tengkujuh, negeri Johor kerap mengalami banjir, apakah pelan jangka panjang kerajaan negeri Johor untuk mengekang isu ini dan berapa dana diperuntukkan bagi persediaan awal banjir oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Untuk makluman Yang Berhormat, kejadian selalunya berlaku akibat hujan lebat yang turun di sesuatu kawasan dimana aliran sungai/parit tidak dapat menampung (melimpah) atau apabila berlaku halangan pada aliran sungai/parit. Kebiasaannya ia akan mula dinaiki air banjir di kawasan yang rendah terlebih dahulu dan paling hampir dengan aliran air.

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia selaku Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah mengkoordinasikan sebanyak empat (4) kali mesyuarat yang di pengrusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bersama semua agensi bertanggungjawab bagi membincangkan secara kristis semua permasalahan bencana melibatkan kepentingan keselamatan awam berpandukan punca kuasa yang telah diberikan dalam AKTA 221 Akta Pertahanan Awam 1951 dan rujukan MKN 20 (Mekanisma Pengurusan Bencana).

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia atau APM sentiasa membuat pengemaskinian data sumber melibatkan agensi seperti Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (Markas 7 Briged) Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Meteorologi Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, RELA, Jabatan Pengairan Saliran Negeri Johor, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan lain agensi bertanggungjawab.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

Secara keseluruhannya, terdapat tiga puluh (30) agensi, badan korporat dan NGO terlibat secara proaktif untuk persediaan menghadapi bencana dibawah koordinasi Pengerusi Bencana sama ada di peringkat Negeri mahupun di peringkat Daerah. Penglibatan agensi adalah tertakluk kepada keperluan pengurusan dan teknikal yang diperlukan bagi tujuan penyelesaian masalah.

Langkah memastikan koordinasi agensi dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sistematik, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dengan Arahan dari Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negeri (Setiausaha Kerajaan Negeri) telah membuka Bilik Gerakan Bencana Banjir pada 14 November 2022 bertempat di Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Johor Bahru yang beroperasi 24 jam 7 hari seminggu bagi tindakan pengumpulan data bencana dan penyelarasan arahan melibatkan bencana diperingkat Negeri Johor.

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor juga telah melaksanakan kerja-kerja bagi mengurangkan risiko banjir sebagai persediaan menghadapi musim Monsun Timur Laut yang akan berlaku pada penghujung tahun ini.

Pelbagai kerja telah dilaksanakan seperti pengorekan sungai, pengukuhan tebing sungai, pembersihan alor dan sistem saliran agar dapat melancarkan aliran air ketika musim hujan yang akan menjelang ketika Monsun Timur Laut berlaku.

Selain itu, kolam-kolam tadahan banjir dan Kolam Takungan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) juga telah diselenggara bagi meningkatkan keupayaan dan kapasiti kolam bagi menampung air larian ketika musim hujan kelak.

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor juga telah memastikan semua sistem telemetri hidrologi dan stesen aras air berada dalam keadaan yang baik dan boleh berfungsi dalam memberikan data dan amaran awal kepada agensi pengurusan bencana dan orang ramai.

Bagi mengatasi kejadian banjir ini, ia memerlukan suatu tindakan pelan jangka panjang dan menyeluruh bagi memastikan aliran air di kawasan tersebut terkawal dan mengalir dengan lancar. Peruntukan yang tinggi diperlukan dan JPS Johor telah/sedang/akan memohon kepada peruntukan persekutuan yang melibatkan secara menyeluruh kajian dan rekabentuk terperinci bagi mengurangkan risiko banjir berulang di kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, ia sangat berkait rapat dengan keperluan peruntukan projek melibatkan kos rekabentuk, kos pengambilan tanah (sekiranya ada), kos struktur binaan dan lain-lain.

Selain itu juga, pihak JPS juga dalam proses menyiapkan Projek Ramalan Amaran Banjir Negara (PRABN) di mana stesen telemetri cerapan hujan, paras sungai, web

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

camera dan siren amaran banjir di pasang di kawasan tertentu bagi memberi maklumat awal kepada penduduk sebelum kejadian banjir berlaku.

Selain itu juga, semua JPS Daerah juga telah melakukan persiapan awal bagi menghadapi musim tengkujuh dengan melaksanakan kerja-kerja pembersihan saluran/sungai yang berisiko banjir pada awal/pertengahan tahun bagi memastikan ia mampu mengalirkan air dengan lancar ketika musim tengkujuh. Bagi pejabat JPS Negeri telah menerima peruntukan pembangunan negeri sejumlah RM 18,451,000 juta bagi melaksanakan kerja-kerja mengurangkan risiko banjir

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 15 (A20)**

Apakah usaha yang telah dilaksanakan bagi menarik golongan belia di negeri Johor amnya dan DUN Mahkota khususnya, untuk menyertai bidang pembinaan dan seterusnya memperkasakan lagi akademi binaan di Malaysia setaraf dengan institusi pengajian lain.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mahkota yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui Unit Strategik Modal Insan Negeri Johor telah menawarkan kursus-kursus secara percuma berserta penempatan pekerjaan sejurus tamat kursus di dalam Program *Upskilling dan Reskilling* yang berkonsepkan *train and place*. Unit Strategik Modal Insan Johor telah menaja kursus pelbagai bidang dan bidang binaan khususnya bagi menarik minat rakyat Johor serta golongan belia agar kadar pengangguran di negeri Johor dapat dikurangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pada tahun 2022 sebanyak RM 5.2 juta telah diperuntukkan kepada Unit Strategik Modal Insan Johor bagi pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Johor (PRO-MAHIR). Daripada jumlah ini, 7 kursus telah dilaksanakan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam pelaksanaan kursus berkaitan bidang binaan dengan jumlah 182 orang penerima manfaat. Pecahannya adalah sebagaimana berikut :

BIL	NAMA PROGRAM	NAMA KURSUS	PERUNTUKAN (RM)	PUSAT LATIHAN	JUMLAH PESERTA
1	Johor Upskilling Dan Reskilling	Kursus Mechanical Fiter + Mechanical Joint Integrity (MJI)	555,440.00	Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan	40
2		Kursus Professional Gas Pipe Fitter	82,256.00	Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan	20
3		Kursus Professional		Akademi Binaan	20

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

		Gas Pipe Insulator	74,200.00	Malaysia Wilayah Selatan	
		Kursus Professional Pemasangan Perancah Tahap Asas	112,000.00	Akademi Minyak dan Gas Johor	32
4	Latihan Lepas Siswazah	Kursus Gas Pipe Fitting	89,900.00	Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan	20
6	Johor Skills Oil & Gas	Kursus Onsite Machining	274,000.00	Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan	25
7		Kursus Blasting & Painting	161,500.00	Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan	25
		JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	1,349,296.00	JUMLAH PESERTA	182

Unit Strategik Modal Insan Johor mengalu-alukan penglibatan ahli-ahli Yang Berhormat membantu bagi membuat hebahan berkenaan inisiatif Unit Strategik Modal Insan Johor untuk dinikmati masyarakat setempat. Maklumat kursus dan program boleh didapati menerusi laman media sosial jabatan ini iaitu di Facebook, Instagram dan TikTok.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 16 (A140)**

Bilakah kerajaan negeri akan memberikan kata pemutus dalam memastikan tempoh penyiapan projek Selekoh S yang terbengkalai lama di DUN Bukit Batu?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Projek Selekoh S pada masa kini sedang dalam Fasa Perolehan. Projek ini telah ditawarkan semula kepada Petender yang terdiri dikalangan Kontraktor yang mempunyai Sijil Penyiap yang telah dikenalpasti.

Projek ini juga telah diiklan secara Tawaran Semula pada 1 November 2022 dan sesi taklimat dan lawatan tapak bersama para petender yang berminat telah dilaksanakan pada 8 November 2022.

Tender bagi projek ini akan ditutup pada 15 Disember 2022 untuk pelaksanaan proses Penilaian Tender yang dijangka dapat dimuktamadkan pada 15 Januari 2023. Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan dikeluarkan kepada petender yang berjaya sekitar Mac 2023. Tempoh penyiapan projek adalah selama 6 bulan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 17 (A32)**

Apakah status terkini Master Plan Kajian Dalam Inventori dalam kawasan Bandar Maharani selepas UTHM mengemukakan "Term of Reference"(TOR) kajian bagi menangani masalah banjir dalam Bandar Daerah Muar?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menentukan dan menyediakan pangkalan data aset hidrologi/hidraulik di dalam kawasan lembangan yang telah ditentukan menggunakan teknologi dan aplikasi GIS. Selain itu, kajian ini dapat mengoptimumkan keberkesanan rangkaian infrastruktur yang sedia ada dengan cara yang dapat memenuhi keperluan masyarakat, dengan menyediakan model terkini, data dan maklumat banjir yang konsisten di seluruh kawasan kajian yang telah ditetapkan bagi membolehkan komuniti/pihak berkepentingan merancang dengan lebih baik dan mengurangkan kesan banjir pada masa hadapan.

Pihak UTHM telah mengemukakan "Term Of Reference (TOR)" Kajian Bagi Mengatasi Masalah Banjir Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Muar (MPM), khususnya kawasan bermula daripada laluan 'Muar By Pass" sehingga ke kawasan Pusat Bandar

Status terkini Master Plan Kajian Dalam Inventori dalam kawasan Bandar Maharani oleh pihak UTHM adalah dalam peringkat ke-3 iaitu pelaksanaan kajian lapangan dan penyediaan Laporan Interim yang dijangka akan dibentangkan kepada MPM pada 29 Januari 2023 sebagaimana jadual perancangan dinyatakan. Pelaksanaan penyediaan Master Plan Kajian Dalam Inventori dalam kawasan Bandar Maharani yang dilaksanakan oleh pihak UTHM terbahagi kepada 5 kaedah pelaksanaan / penyampaian iaitu:

Peringkat	Perlaksanaan /Penyampaian	Tempoh	Tarikh Mengemukakan laporan UTHM
1.	Mula Tugasan	Kick-Off Meeting	29 Mei 2022
2.	Laporan Awal	4 Bulan selepas daripada Tarikh mula tugas	2 Oktober 2022

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

3.	Laporan Interim	8 Bulan selepas daripada Tarikh mula tugas	29 Januari 2023
4.	Deraf Laporan Akhir	10 Bulan selepas daripada Tarikh mula tugas	29 Mac 2023
5.	Laporan Akhir	2 bulan selepas penerimaan deraf laporan dan ulasan daripada MPM	28 Mei 2023

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 18 (A95)**

Apakah kerajaan negeri mempunyai perancangan masalah kekurangan pekerja asing yang melibatkan pekerja ladang di sektor peladangan di Johor yang amat meruncingkan pemilik ladang.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Kerajaan amat prihatin dengan masalah kekurangan pekerja asing yang melibatkan pekerja ladang di sektor peladangan di Johor yang amat meruncingkan pemilik ladang memandangkan sektor ini juga merupakan salah satu sumber ekonomi utama negeri Johor. Oleh itu, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO mengambil langkah proaktif bagi menangani isu ini. Antaranya, memperkenalkan Program Malaysianization di bawah inisiatif Bajet 2022 iaitu JaminKerja – Insentif Penggajian (JKIP). Program Malaysianization ini merupakan program di mana majikan yang menggantikan pekerja asing atau pegawai dagang dengan pekerja tempatan bakal menerima insentif sebanyak 20 peratus daripada gaji bulanan bagi tempoh enam (6) bulan pertama dan 30 peratus bagi enam (6) bulan berikutnya.

Selain itu, PERKESO turut mengadakan kerjasama strategik dengan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi di bawah sektor Agrikomoditi dalam menangani isu ini. Antaranya mengadakan Karnival Penjana Kerjaya Agrikomoditi agar para majikan di dalam industri ini dapat dibantu untuk mendapatkan calon pekerja tempatan yang bersesuaian. PERKESO juga turut diberi peluang untuk berkolaborasi dengan pemain industri dalam sektor agrikomoditi seperti FELDA, FELCRA dan Sime Darby bagi memperkenalkan program-program penempatan pekerjaan. Program ini dilaksanakan untuk menarik minat bakat tempatan bagi mengisi kekosongan dan bekerja di sektor perladangan dan pertanian. Program yang diadakan ini telah mengumpulkan lebih 26 buah majikan dari sektor perladangan dan industri komoditi yang aktif mengambil pekerja.

Dengan penglibatan para pemain industri sektor perladangan dan pertanian di Malaysia, diharap usaha pengambilan warga kerja tempatan secara besar-besaran ini dapat memberi inspirasi kepada keseluruhan pemain industri yang lain yang sebelum ini banyak bergantung kepada tenaga kerja asing.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 19 (A89)**

Sila nyatakan kadar kitar semula di Johor dan apakah inisiatif yang telah dilakukan untuk meningkatkan kesedaran pengasingan sisa pepejal.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Kempen pengasingan sisa pepejal di punca (SAS) yang dilaksanakan pada September 2015 sehingga kini masih berterusan dari semasa ke semasa. Kadar kitar semula mengikut daerah di negeri Johor telah menunjukkan peningkatan sebanyak 115% dalam tempoh 5 tahun, dari tahun 2017 (670,208 kg kutipan sampah kitar semula) sehingga tahun 2021 (1,442,317 kg kutipan sampah kitar semula).

Bagi memastikan pelaksanaan SAS bertambah baik dan berkesan, SWCorp sentiasa mempergiatkan lagi kempen dan taklimat berkaitan pengasingan sisa pepejal dari pelbagai aspek atau kaedah secara berterusan kepada masyarakat, pihak kerajaan, swasta, komersial dan juga institusi. Antara usaha yang dilaksanakan adalah dengan menyediakan modul kepada sekolah tabika, rendah dan menengah agar kefahaman dan kesedaran bermula dari generasi muda. Di samping itu, kempen secara berterusan kepada semua lapisan masyarakat juga diadakan melalui risalah, kuiz, pameran, program anjuran kerajaan atau swasta, kempen pertandingan kitar semula peringkat Negeri dan Kebangsaan (PERKISS), pertandingan inovasi mencipta bahan bernilai menggunakan barangan kitar semula dan sebagainya.

Usaha lain untuk mendidik pelajar serta kakitangan untuk membudayakan amalan kitar semula adalah dengan mengadakan kolaborasi dalam program kitar semula melalui memorandum (MoU) bersama Pusat Pengajian Tinggi seperti UiTM, Maktab Perguruan, UTHM dan juga UTM. Pada setiap tahun, SWCorp juga bekerjasama dengan *Non-Governmental Organisations* (NGO) bagi mengadakan program dan kempen-kempen kitar semula seperti '*World Clean Up Day*'.

Akhir sekali, pihak konsesi juga telah membekalkan sangkar 3R yang dikenali sebagai pusat KITAREcycle kepada komuniti yang aktif, di mana penjagaan sepenuhnya adalah dibawah pihak komuniti kawasan, Mereka boleh mengumpul serta menjual barangan kitar semula tersebut kepada pihak konsesi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 20 (A47)**

Kondisi infrastruktur terutama sistem perparitan di dalam kawasan Jementah dan Segamat adalah ketinggalan zaman. Banjir kilat kerap berlaku dan mengakibatkan kerugian harta. Apakah langkah untuk mengatasi masalah ini dan bilakah rancangan menaik tarafkan sistem perparitan dijangka untuk dilaksanakan?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor telah membelanjakan RM 145,000.00 pada tahun 2021 dan RM 122,835.00 pada tahun 2022 bagi kerja penyelenggaraan sistem saliran di Mukim Jementah manakala RM 120,244.00 pada tahun 2021 dan RM 491,999.00 bagi kerja memasang batu sangkar untuk menghalang hakisan tebing. Keutamaan pemasangan struktur penahan tebing ini hanya sekiranya hakisan tebing itu berlaku berhampiran dengan kawasan perumahan penduduk atau struktur-struktur utama kemudahan penduduk berikutan faktor kewangan yang terhad. Langkah pembaikan dengan pemasangan batu sangkar, sandfill mattress dan lain-lain adalah perlu bagi mengelakkan masalah hakisan tebing ini terus berlaku..

Dalam pada itu pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor juga mengambil langkah proaktif dengan melantik perunding bagi membuat kajian dan rekabentuk bagi menaiktaraf sistem saliran terutama di kawasan jajaran Sg Siput yang kerap berlaku banjir kilat. Pihak Jabatan juga telah memohon peruntukan secara 'off budget' sebanyak RM 650 juta bagi menaiktaraf sistem perparitan di Daerah Segamat bagi mengurangkan masalah banjir yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini.

Selain itu, pihak Jabatan sentiasa memohon peruntukan setiap tahun untuk memastikan bahawa keperluan pembaikan dan penyelenggaraan tebing-tebing sungai ini dipenuhi melalui langkah pembaikan berfasa. Kerja-kerja pembaikan dilaksanakan setiap tahun berdasarkan aduan penduduk kampung dan pemerhatian pihak jabatan ini sendiri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 21 (A34)**

Apakah bantuan atau inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat mengatasi masalah kos sara hidup yang semakin meningkat?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Dalam usaha Kerajaan Persekutuan menangani isu kos sara hidup dan inflasi, Kerajaan telah melaksanakan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di peringkat 26 Kawasan Parlimen yang bermula pada Disember 2021 sehingga 15 Ogos 2022. Program ini seterusnya dijenamakan sebagai Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) dan telah diperhebatkan serta diperluaskan kepada 56 Dewan Undangan Negeri Johor mulai 15 Ogos 2022.

JMKM dilaksanakan dengan kekerapan dua (2) kali sebulan bagi setiap 56 Dewan Undangan Negeri dan akan diteruskan sehingga hujung tahun 2022 ini. Pelaksanaan JMKM juga mendapat kerjasama dan sokongan pihak pasaraya besar/pasaraya/pasar mini/ kedai runcit yang terpilih dan berkemampuan untuk menawarkan barangan keperluan harian bagi lokaliti berkenaan.

Antara barangan keperluan harian yang diberikan keutamaan dan diskaun harga hampir 20 peratus daripada harga pasaran tempatan adalah Ayam, Beras, Telur Ayam, Gula, Minyak Masak, Tepung Gandum dan Sayur-Sayuran.

Bagi pelaksanaan JMKM ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM6,250.00 kepada premis-premis yang terlibat agar dapat memberikan diskaun harga bagi barangan keperluan harian terpilih. Peruntukan tersebut diberikan setiap kali pelaksanaan JMKM. Sehingga November 2022, secara keseluruhannya Program JMKM ini telah memanfaatkan lebih 935,000 isi rumah di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 22 (A62)**

Jalan di kawasan Renggam menuju ke Layang-layang memerlukan pelebaran jalan, ini kerana jalan yang sedia sangat sempit. Ia merupakan jalan yang sering dilalui lori-lori dari ladang Sime Darby yang membahayakan pemandu yang lain.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Pihak JKR telah mengadakan sesi lawatan dan siasatan tapak pada 06 Oktober 2022 bersama-sama dengan wakil DUN Layang-Layang. Hasil dari lawatan tersebut, JKR sedang menyediakan kertas kerja untuk menaiktaraf kawasan tersebut untuk diangkat dalam RJ5T yang akan datang.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 23 (A6)**

Apakah pelan tindakan pihak kerajaan dalam membantu Projek Perumahan Taman Nelayan di kawasan Endau kerana projek itu telah lama terbengkalai manakala pembeli telah lama membayar pinjaman kepada pihak bank.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan adalah milik Pemaju Ophir Heights Sdn Bhd di Kawasan Lot 1714 & 1715 Endau Mersing. Projek tersebut melibatkan Rumah Teres 1 tingkat dengan jumlah 76 unit dan ia dikategorikan sebagai Projek Sakit dibawah Jabatan Perumahan Negara.

Berdasarkan semakan dan lawatan tapak yang diadakan PKPJ pada 17 Nov 2022, didapati kemajuan kerja telah mencapai 80% dan Kemajuan kerja adalah sebagaimana berikut:

- i. Bangunan – telah Selesai
- ii. Infrastruktur – belum selesai
- iii. Status Borang G – belum selesai

Berdasarkan semakan bersama pihak KPKT, isu tersebut adalah melibatkan pihak KUJ masih belum mengeluarkan surat sokongan (Kerja korekan jalan dan pemasangan kable tnb) dan tindakan kepada pemaju oleh pihak JPN telah menghantar surat peringatan pertama pada 12.8.2022.

Kerajaan Negeri akan bertindak sebagai pemudahcara atau mediator bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan KPKT bagi menyelaras semula isu yang berlaku melibatkan projek tersebut dalam masa yang terdekat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 24 (A115)**

Mohon untuk menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh EXCO untuk mempromosikan tenaga yang boleh diperbaharui di negeri Johor bagi menangani isu krisis iklim di negara.

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Untuk makluman Yang Berhormat Puteri Wangsa, Dasar Tenaga Negara (2022-2040) telah dilancarkan oleh Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mantan Perdana Menteri pada 19 September 2022. Dasar ini telah memperincikan hala tuju tenaga negara bagi mencapai visi “Kemampuan Tenaga Untuk Mencapai Kemakmuran Bersama”.

Oleh yang demikian, dasar ini sedang diperhalusi di peringkat Kerajaan Negeri untuk tindakan selanjutnya. Walaupun sektor tenaga merupakan sektor yang ditadbir urus di Peringkat Kerajaan Persekutuan sebagaimana peruntukan di dalam Senarai Persekutuan, namun Kerajaan Negeri tidak ketinggalan dalam menyambut baik dan mengalu-alukan sebarang kerjasama dan inisiatif daripada agensi-agensi yang berkaitan seperti Suruhanjaya Tenaga, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari atau Sustainable Energy Development Authority (SEDA) dan Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC).

Di peringkat Kerajaan Negeri, bagi pentadbiran tanah khususnya untuk program pemasangan solar, Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan ketetapan bagi penggunaan permit khas bagi pembangunan ladang solar tanpa perlu ianya diubah syarat. Inisiatif ini secara tidak langsung mempromosikan atau memudah cara adaptasi kepada tenaga boleh baharu seperti solar. Untuk makluman, terdapat 4 ladang solar berskala besar di Johor di bawah program Large Scale Solar (LSS) oleh Suruhanjaya Tenaga dengan tenaga yang diluluskan keseluruhan sebanyak 68.99MW; masing-masing di Kota Tinggi (29.0MW), Mersing (5.0MW), Kluang (9.9MW) dan Pasir Gudang (25.0MW).

Selain juga, Kerajaan Negeri Johor melalui Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) sentiasa mempromosikan tenaga boleh diperbaharui melalui 3 tugas-tugas utama (core functions) iaitu:

a. Merancang (Plan)

IRDA sentiasa mengintegrasikan inisiatif dan projek-projek berkaitan tenaga boleh diperbaharui dalam kesemua dokumen-dokumen yang berkaitan untuk kawasan Iskandar Malaysia seperti menerusi Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

Malaysia, Low Carbon Society Blueprint for Iskandar Malaysia 2030 Climate Action Plan. Di bawah dokumen Low Carbon Society Iskandar Malaysia, terdapat 3 Tindakan Tebatan (Mitigation Sub-Action) untuk tenaga diperbaharui iaitu:

- i. RE 1.1 – Promosi dan Pelaksanaan Projek bagi Tenaga Boleh Diperbaharui;
- ii. RE 1.2 – Meningkatkan Pembangunan dan Pembentukan Sistem Tenaga Boleh Diperbaharui Yang Maju; dan
- iii. RE 1.3 – Meningkatkan Pembiayaan Dan Insentif Bagi Inisiatif Tenaga Yang Mampan.

IRDA juga menjalinkan kerjasama melalui '*city to city collaboration*' bersama Toyama City, dan pihak konsultan yang berpengalaman dari Jepun bagi menyediakan kajian kebolehlaksanaan biogas untuk industri dan sektor pengangkutan melalui penggunaan Bahan Sisa Kelapa Sawit (POME) sebagai bahan asas.

b. Mempromosi (Promote)

IRDA juga secara berterusan mempromosikan agenda hijau tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga kepada pelabur-pelabur baru dan sedia ada. Sebagai contoh, Pihak IRDA juga terlibat untuk bersama-sama menganjurkan program-program pembinaan keupayaan (capacity building) dan seminar-seminar berkaitan untuk pihak berkepentingan antaranya program *Building Energy Reporting and Management System (BERMS)*, *Green Accord Initiatives Awards (GAIA)* dan juga turut serta dalam Small Medium Enterprise Sustainable Development Goals (SDG) Festival 2022 yang dipelopori oleh UN Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB) pada bulan November lepas di Iskandar Malaysia.

c. Memudah cara (Facilitate)

IRDA sentiasa membantu pihak berkepentingan tidak kira sama ada pelabur, entiti kerajaan, sektor swasta dan lain-lain, untuk menggunakan dan memasang tenaga boleh diperbaharui di premis bangunan mereka. Sebagai contoh, IRDA akan memadankan pihak yang berminat dengan pembekal perkhidmatan solar. Tenaga elektrik yang dijana daripada panel solar akan mengurangkan keperluan elektrik daripada grid untuk digunakan dalam bangunan. Projek ini memberi manfaat kepada pemilik bangunan untuk mengurangkan bil elektrik dan menyumbang untuk mengurangkan pelepasan gas karbon (GHG) ke udara.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 25 (A121)**

Adakah kerajaan negeri akan menerima cadangan pihak Mengkibol supaya inisiatif skim perlindungan insuran kemalangan peribadi (PA) percuma kepada warga Johor yang bekerja di Singapura dan berulang alik secara harian.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Kerajaan Negeri Johor menyambut baik cadangan Yang Berhormat Mengkibol mengenai inisiatif skim perlindungan insuran kemalangan peribadi (PA) percuma kepada Warga Johor yang bekerja berulang alik secara harian di Singapura.

Bagaimanapun, penelitian dan perbincangan lanjut perlu dibuat bersama agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu PERKESO selain mengadakan sesi libat urus bersama penyedia-penyedia insurans sedia ada bagi melihat keupayaan Kerajaan Negeri Johor untuk melaksanakan inisiatif ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak PERKESO ketika ini sedang giat menyempurnakan tinjauan dan kajian mengenai jumlah pekerja Malaysia yang sedang bekerja di Singapura dan apabila data serta maklumat lengkap ini diperolehi, inisiatif yang dicadangkan Yang Berhormat mungkin lebih mudah dilaksanakan secara bersasar.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 26 (A83)

Minta dinyatakan apakah inisiatif-inisiatif baharu bagi memastikan Agenda Keselamatan Makanan negeri Johor sentiasa digiatkan sepanjang tahun 2023.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri Johor amat menekankan hal-hal berkaitan Sekuriti Makanan atau Jaminan Bekalan Makanan yang ditakrifkan sebagai keadaan yang mana semua orang mempunyai akses ketersediaan, kebolehcapaian, kepenggunaan dan kestabilan bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat.

Untuk makluman, negeri Johor merupakan pengeluar makanan yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain bagi tanaman buah-buahan dan kedua tertinggi bagi tanaman sayuran. Kekuatan ini membolehkan Johor dijadikan sebagai hub pertanian selain lokasinya yang hampir dengan Singapura.

Untuk memastikan negeri Johor kekal sebagai pengeluar makanan yang tertinggi serta untuk memastikan Agenda Jaminan Bekalan Makanan dapat dicapai, Kerajaan Negeri Johor dibawah Portfolio Pertanian dan Industri Asas Tani telah menggariskan 7 Petunjuk Prestasi Utama (KPI). KPI ini dirancang untuk tempoh masa 5 tahun bermula tahun 2022 sehingga tahun 2027 : 7 KPI tersebut adalah:

KPI 1: Memuktamadkan Dasar Agromakanan Negeri Johor 2022-2030: Kajian dilaksanakan dengan mengambil kira Dasar Agromakanan Negara di peringkat Persekutuan bagi memastikan ianya selari dan mencapai objektif yang sama. Kajian mengambil kira juga kebolehpayaan dan kekuatan serta kebitaraan Negeri Johor dalam memastikan agenda jaminan bekalan makanan tercapai.

KPI 2: Meningkatkan Pengeluaran Industri Tanaman Makanan Utama melalui inisiatif-inisiatif sebagaimana berikut:

1. Projek Pembangunan Industri Pengeluaran Tanaman Makanan Utama. Melalui inisiatif ini, peserta-peserta yang telah dikenalpasti akan mendapat bantuan insentif meliputi pembangunan ladang seperti infrastruktur asas, benih dan input, teknologi dan IOT, sistem pengairan, mekanisasi, peralatan & jentera kecil, pusat pengumpulan hasil ladang dan lain-lain yang boleh menyumbang kepada peningkatan kuantiti dan kualiti hasil tanaman sayur-sayuran.
2. Projek Pembangunan Komoditi Berpotensi. Peserta-peserta yang telah dikenalpasti akan mendapat:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

- i. Bantuan insentif meliputi pembangunan ladang seperti infrastruktur asas, benih dan input, teknologi dan IOT, sistem pengairan, mekanisasi, peralatan dan jentera kecil, pusat pengumpulan hasil ladang.
 - ii. Pembangunan *post-harvest activity* seperti pusat pengumpulan hasil ladang, peralatan pemprosesan, pembungkusan dan industri asas tani bagi penghasilan produk akhir berkualiti.
3. Projek Pembangunan Pertanian Moden dan Lestari. Pemberian insentif meliputi semua tanaman dan industri pemprosesan makanan. Insentif akan diberikan kepada pengusaha dalam bentuk penambahbaikan infrastruktur dan peralatan/mesin kecil yang berkaitan dalam memenuhi keperluan pematuhan elemen Pensijilan myGAP sektor tanaman. Untuk Industri Asas Tani (IAT), insentif yang diberikan ialah menaiktaraf bengkel pengeluaran makanan mengikut prosedur persijilan makanan selamat ke arah pengilangan yang baik-Good Manufacturing Practice (GMP). Selain itu, skop juga termasuk insentif kearah penambahbaikan pembangunan dan pelabelan produk.
4. Projek Kolaborasi Strategik diantara Syarikat Peneraju dan Pengusaha. Program ini merupakan satu platform bagi membina jaringan kerjasama antara syarikat peneraju bersama pengusaha/pengeluar Industri Agromakanan di bawah sektor tanaman makanan dan sektor Industri Asas Tani. Tujuan program ini adalah bagi meningkatkan daya saing hasil pertanian tempatan dengan tiga (3) pendekatan win-win situation dengan persetujuan kedua-dua pihak (MOU). Syarikat peneraju dan pengusaha yang terlibat akan menerima insentif bagi melonjakkan lagi produktiviti dan kualiti produk seperti:
5. Program Pemilikan Teknologi dan Mekanisasi Pertanian. Insentif yang akan ditawarkan dibawah program ini adalah:
 - i. Perolehan Pelbagai jenis jentera kecil, mesin dan peralatan yang sesuai bagi tujuan pengeluaran hasil tanaman di sepanjang rantaian.
 - ii. Perolehan pelbagai jenis mesin dan peralatan kecil bagi tujuan pengeluaran hasil di bawah bidang usaha Industri Asas Tani.
 - iii. Menaiktaraf Bangunan / Bengkel / Makmal serta kelengkapan peralatan bagi penggunaan teknologi terkini seperti pengairan pintar (smart irrigation) lengkap dengan teknologi IoT (Internet of Things), penggunaan solar dalam pengeluaran hasil tanaman dan bidang usaha IAT di sepanjang rantaian.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

6. Merencanakan Penglibatan Pihak Swasta / GLC Dalam Aktiviti Agromakanan dengan menggalakkan penyertaan lebih banyak syarikat peneraju dalam projek agromakanan dan melibatkan pengusaha satelit (kecil/sederhana) dalam aktiviti rantaian nilai pengeluaran hasil pertanian.

KPI 3: Meningkatkan Pengeluaran Industri Perikanan melalui inisiatif-inisiatif sebagaimana berikut:

1. Projek Pembangunan Industri Akuakultur Air Tawar & Akuakultur Air Payau / Marin. Dengan peningkatan pengeluaran akuakultur, ianya akan mengurangkan kebergantungan kepada perikanan laut dalam/pesisir pantai. Bantuan yang akan diberikan merangkumi aspek teknikal, peralatan sokongan, peningkatan kualiti hasil serta pengendalian pasca tuai.
2. Pembangunan Estet Kerang-kerangan dimana dijangka akan dapat meningkatkan 61% pengeluaran ternakan kerang dewasa pada 2027 berbanding pengeluaran semasa dengan pengurusan sumber yang lebih teratur dan efisien di kalangan komuniti setempat
3. Pewartaan Zon Industri Perikanan (ZIP). Melalui program ZIP, kawasan tanah dan perairan yang sedia ada dan kawasan berpotensi akan dibangunkan dengan projek akuakultur berskala komersial bagi meningkatkan pengeluaran ikan, udang dan kerang-kerangan. Program ini dijangka dapat menjamin dan mengekalkan kawasan habitat semulajadi hidupan marin dan akuakultur daripada sebarang projek pembangunan dalam jangka masa yang panjang. serta menjamin kelangsungan aktiviti sumber ekonomi perikanan oleh pengusaha dan nelayan setempat.
4. Program Melabuh Tukun Bagi Meningkatkan Sumber Perikanan. Program ini melibatkan pelepasan tukun sebagai kawasan perlindungan ikan dan memperkayakan biodiversiti hidupan marin bagi Menjamin hasil tangkapan perikanan kepada nelayan setempat dan menghalang pencerohonan kapal pukut tunda.
5. Program Pemuliharaan Sumber Perikanan. Melalui inisiatif ini dijangka dapat menambahkan stok ikan di perairan umum bagi meningkatkan jaminan bekalan makanan serta memastikan kelangsungan aktiviti ekonomi dan sumber pendapatan nelayan terutamanya nelayan darat.

KPI 4: Meningkatkan Pengeluaran Industri Ternakan Ruminan dan Tenusu melalui inisiatif-inisiatif sebagaimana berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

1. Program Bantuan Baka Ternakan Ruminan (Daging) : Meningkatkan jumlah stok induk pembiak berkualiti dengan penambahan sebanyak 1,000 ekor induk dan 100 ekor pejantan lembu import untuk jangkamasa 5 tahun.
2. Program Memperkukuh Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) & Ladang Satelit. Melalui program ini, peserta akan menerima bantuan seperti bantuan pagar cyclone, pembinaan telaga tiub, dan penyediaan tapak dan input bagi tanaman makanan ternakan
3. Program Kawalan Penyakit & Kesihatan Ternakan melibatkan inisiatif mitigasi dan kawalan kematian ternakan serta kerugian akibat penyakit serta peningkatan kapasiti makmal dan perkhidmatan veterinar.
4. Pemberian Insentif (Makanan mineral & Peralatan) bagi menggalakkan penternak meningkatkan produktiviti ternakan dan melaporkan kelahiran ternakan.
5. Kursus & Latihan Penternak. Latihan Kemahiran / Upskills dan Reskills (pengurusan,pemakanan,pembiakbakaan) secara penempatan di ladang terpilih / kursus jangka masa singkat / persidangan di luar negara bagi pemindahan teknologi dan melahirkan tenaga mahir.)
6. Pemerksaan Sistem Integrasi Ruminan - Ladang Swasta/Individu. Galakkan dan mempergiatkan penternakkan secara integrasi kepada pihak swasta dan penternak kecil yang mempunyai kawasan perladangan sendiri.
7. Program Pembangunan Industri Tenusu (Jabatan Perkhidmatan Veterinar) - Meningkatkan penghasilan dan kualiti susu dalam kalangan pengusaha tempatan.
8. Pembangunan Projek Jemaluang Dairy Valley (JDV) - Pembangunan projek JDV ini akan dijalankan di kawasan seluas 275 hektar (679.5 ekar) dengan berkonsepkan projek pembangunan bersepadu yang merangkumi aktiviti-aktiviti hulu dan hiliran seperti ternakan lembu tenusu, penghasilan produk berasaskan tenusu, kawasan Pertanian / sumber makanan (foder) dan program keusahawanan (Satelit Farmers).

KPI 5 : Memperkasa Usahawan Industri Asas Tani (AIT) melalui Program Pembangunan Industri Asas Tani. Bantuan insentif kepada sasaran 670 pengusaha IAT (setahun) meliputi bantuan mesin, peralatan untuk tujuan pemprosesan, pembungkusan, penjenamaan produk, dan insentif bagi bina/naik taraf bengkel.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

KPI 6 : Memperkasa 1,000 Usahawan Belia Tani Dengan Pendapatan Sekurang-kurangnya Rm 3, 000 sebulan melalui Program:

- i. Program Pembangunan Belia Tani – Meningkatkan pendapatan Belia Tani menerusi peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, penerapan teknologi dan inovasi terkini. Pelaksanaan insentif bantuan kepada sekurang-kurangnya 500 usahawan belia.
- ii. Pembangunan Zon Belia Tani - Menggalakkan penyertaan belia tani dalam bidang pertanian secara komersil dengan bantuan insentif dan fasiliti yang dibangunkan oleh kerajaan serta sokongan daripada penglibatan pihak swasta.
- iii. Bantuan Insentif Menerusi Pelbagai Program/ Projek Pembangunan - Pemerksaan Belia Tani dengan pelbagai program/projek pembangunan dengan sasaran sekurang-kurangnya 500 orang (100 orang setahun)

KPI 7 : Memperkukuhkan Ekosistem Rantai Bekalan Makanan Bersepadu dan Penghasilan Produk Agromakanan Berkualiti Tinggi melalui program-program:

- i. Kerajaan negeri akan membangunkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan, Pembungkusan dan Pengedaran (CPPDC).
- ii. Selain itu, kerajaan juga akan memperkasa peranan Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang.

Dalam pada itu, **dalam usaha untuk memperkasa peranan Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech)**, J-Biotech telah merangka dan memperkenalkan 12 Strategi Pembangunan Sekuriti Makanan sebagai usaha dalam menerajui sektor agromakanan serta menyokong gagasan Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor. Kesemua 12 strategi pembangunan ini telah dirangka berpandukan kepada empat teras utama keselamatan makanan iaitu ketersediaan makanan (food availability), kebolehcapaian makanan (food access), kepenggunaan makanan (food utilization) dan kestabilan makanan (food stability) serta merangkumi pelbagai inisiatif, projek dan program berimpak tinggi yang akan melonjakkan lagi sektor pertanian di samping memastikan keselamatan makanan Negeri Johor dapat dicapai. 12 strategi pembangunan ini seterusnya telah diperkembangkan kepada 21 indikator atau langkah tindakan bagi mencapai sasaran – sasaran yang telah digariskan menjelang tahun 2025.

Strategi 1: Penarikan Pelaburan Bernilai Dan Berimpak Tinggi, J-Biotech mensasarkan nilai pelaburan sebanyak RM1.5 billion dalam sektor agromakanan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

Negeri Johor menjelang 2025 melalui pembangunan projek baru serta pengembangan projek sedia ada terutamanya di dalam kawasan Lembah Makanan Bio Desaru, Kota Tinggi. Antara langkah yang akan dilaksanakan oleh J-Biotech bagi mencapai sasaran ini adalah 2 melalui penambahbaikan infrastruktur dan fasiliti di dalam kawasan Bio Desaru, pembangunan ekosistem pelaburan (modal insan dan tenaga kerja) serta mempromosikan Negeri Johor sebagai hab pelaburan agromakanan melalui inisiatif Johor Food Invest. Sasaran nilai pelaburan berimpak tinggi di dalam sektor agromakanan bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM700.0 juta.

Strategi 2: Program Pembangunan Bakat, Modal Insan Dan Komuniti, J-Biotech telah memperkenalkan inisiatif Johor Food Security Hero (JFS Hero) yang bertujuan bagi menggalak penglibatan orang awam serta mengiktiraf setiap individu atau organisasi yang telah menyumbang kepada jaminan makanan di Negeri Johor. Di bawah strategi ini, pelbagai program pendidikan dan latihan ditawarkan kepada orang awam terutamanya golongan kanak – kanak dan belia bagi menarik minat mereka untuk menceburi bidang pertanian serta melahirkan tenaga kerja mahir dan kompeten. Di samping itu, inisiatif JFS Hero ini juga merangkumi aktiviti kesukarelawanan melalui program bank makanan di setiap daerah dan agihan bekalan makanan kepada golongan gelandangan di sekitar Negeri Johor.

Strategi 3: Pembangunan Zon Lembah Makanan Organik Baharu, melihat kepada pencapaian Lembah Makanan Bio Desaru, J-Biotech bercadang untuk mengaplikasikan model pembangunan Bio Desaru ke kawasan tanah – tanah terbiar di sekitar Negeri Johor dengan kerjasama Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan lembah makanan baharu. Lembah makanan baharu ini akan juga dilengkapi dengan komponen biosekuriti bagi memastikan hasil pengeluaran projek – projek pertanian di kawasan tersebut adalah bebas penyakit dan berkualiti tinggi.

Strategi 4: Pembangunan Pusat Pengumpulan dan Perdagangan (Collection and Trade Centre), melalui kerjasama bersama syarikat swasta yang berkepakaran dalam bidang pemasaran dan peruncitan hasil pertanian, J-Biotech akan membangunkan sebuah pusat pengumpulan, pemprosesan, pembungkusan dan pengedaran di dalam kawasan Bio Desaru yang dinamakan sebagai Bio Desaru CPPDC. Projek ini dibangunkan dengan matlamat untuk menyediakan fasiliti dan kemudahan bagi petani tempatan untuk memasarkan hasil pertanian terutamanya bagi golongan petani kecil di sekitar daerah Kota Tinggi dan Mersing yang tidak mempunyai akses pasaran yang luas. Produk keluaran Bio Desaru CPPDC ini akan dipasarkan secara meluas bukan sahaja bagi tujuan pasaran 3 tempatan tetapi juga bagi tujuan eksport ke negara jiran. Sasaran hasil jualan tahunan produk adalah sebanyak RM15.0 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

Strategi 5: Transformasi Digital Sekuriti Makanan Johor, melalui kerjasama agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta pemain industri dalam bidang teknologi digital, JBiotech bercadang memperkasa aplikasi teknologi 4IR ke dalam projek pertanian di dalam kawasan Bio Desaru. Bagi fasa pemulaan aktiviti pertanian aquafonik rumah hijau di dalam Projek Pembangunan Integrated Sustainable Food Production Zone (Bio Desaru ISFPZ) akan dibangunkan dengan pengintegrasian teknologi Internet of Things (IoT) dan Big Data Analytics (BDA) bagi memantau persekitaran di dalam bangunan.

Strategi 6: Pengukuhan Rantainya “Feedstock”, J-Biotech bercadang untuk membangunkan sebuah pusat penghasilan dan pengumpulan baja, produk asas bio serta produk makanan ternakan organik. Dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 3,000 tan sebulan, fasiliti ini diharap akan dapat menjadi pusat sehati bagi bekalan baja dan makanan ternakan untuk petani dan penternak Negeri Johor. J-Biotech juga akan bekerjasama dengan pihak MARDI bagi membangunkan formulasi baru produk effective microbe dan baja cecair organik sebagai alternatif kepada baja cecair AB.

Strategi 7: Pemeriksaan Lembah Makanan Organik di BIODESARU, bagi menyediakan ekosistem yang kondusif dan mapan bagi menarik pelaburan baru di dalam sektor agromakanan Negeri Johor, J-Biotech akan mengoptimumkan pengintegrasian elemen utama biosekuriti di dalam kawasan Bio Desaru dengan menaiktaraf dan membangunkan unit baru Bio Security Checkpoint, menaiktaraf Bio Security Buffer Zone di setiap lot – lot tanah projek serta pengoperasian penuh Bio Security Quarantine Zone.

Strategi 8: Peningkatan Kualiti Pengeluaran Makanan, melalui kerjasama anak syarikat di bawah Kumpulan J-Biotech Holdings, iaitu Johor Toyibban Laboratory (JT Lab), J-Biotech berhasrat untuk memperkasa khidmat dan servis pensijilan dan analisis makmal bagi produk pertanian dan makanan. Antara analisis yang ditawarkan adalah analisis keselamatan makanan (pengesanan bahan pencemar, ujian komposisi dan mikrobiologi makanan) serta analisis halal toyyiban (pengesanan DNA babi dan alkohol).

Strategi 9: Pembangunan Projek Pertanian Moden Berintegrasi Dan Berteraskan Bio-Agroteknologi, J-Biotech bercadang untuk membangunkan projek perintis pertanian pintar menggunakan konsep rumah hijau bersama syarikat pelabur di dalam kawasan Bio 4 Desaru yang akan dapat mengoptimumkan penggunaan tanah serta memaksimumkan penghasilan output. Melalui pemindahan teknologi dari syarikat pelabur ini juga, J-Biotech akan membangunkan projek pertanian komuniti menggunakan konsep pertanian menegak dengan sasaran seramai 200 orang peserta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

Strategi 10: Pengurangan Sisa Makanan Dan Pertanian, J-Biotech bercadang untuk membangunkan sebuah fasiliti pemprosesan biogas berintegrasi di dalam kawasan Bio Desaru yang berupaya memproses sisa pertanian dan penternakan kepada syngas dan tenaga elektrik. Fasiliti ini juga dijangka mampu memproses lebih 100 tan sehari dan menjana 5MW tenaga elektrik. Di bawah strategi ini juga J-Biotech akan meneruskan inisiatif pemberian mesin biokomposter di pasar awam, medan selera, sekolah dan universiti sebagai usaha dalam mewujudkan amalan pengurusan sisa yang baik dan lestari.

Strategi 11: Pemeraksanaan Penggunaan Sumber Lestari, satu projek pembangunan taman solar berskala besar (LSS) berkapasiti 30MW akan dibangunkan di dalam Lembah Makanan Bio Desaru. Pembangunan projek tenaga boleh diperbaharui ini akan dijangka akan dapat menjana sumber tenaga elektrik bagi keseluruhan kawasan Bio Desaru dan sekitarnya. Ini sekaligus akan dapat mentransformasikan Bio Desaru sebagai lembah makanan lestari di Malaysia.

Strategi 12: Pemeraksanaan Agroekologi, sebagai antara agensi yang berperanan dalam memelihara dan memulihara biodiversiti Negeri Johor, J-Biotech juga berhasrat untuk melaksanakan program – program kesedaran dan pendidikan berkaitan amalan pemeliharaan alam semulajadi dan konservasi biodiversiti dalam aktiviti pertanian. JBiotech bercadang untuk menawarkan insentif atau geran kepada individu atau organisasi yang melaksanakan penyelidikan atau inovasi pertanian mesra alam yang berdaya maju dan mampu meningkatkan hasil pertanian.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 27 (A76)**

Apakah rancangan yang terbaru kerajaan terhadap penambahan lampu-lampu di jalan jalan kampung khususnya di daerah Batu Pahat?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Adalah dimaklumkan bahawa garis panduan pelaksanaan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK), KPLB telah menetapkan bahawa 40 unit lampu akan dipasang disetiap kampung induk atau rangkaian dengan mengambil kira saiz kampung dan bilangan rumah yang ada di dalam kampung tersebut.

Jika terdapat keperluan yang melebihi had yang ditetapkan, permohonan boleh disalurkan kepada KPLB Negeri Johor untuk perhatian dan tindakan. Walau bagaimanapun, sebarang kelulusan permohonan pemasangan LJK tambahan adalah tertakluk kepada pertimbangan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, Negeri Johor telah menerima peruntukan sebanyak 8636 Unit LJK bagi Program Pemasangan LJK Fasa 10 bagi tahun 2020/2021 dan merupakan peruntukan tertinggi berbanding negeri-negeri di semenanjung bagi Fasa 10. Di daerah Batu Pahat, lebih 3,500 unit LJK telah diperuntukkan. Program Pemasangan LJK Fasa 10 telah selesai dengan kemajuan di tapak adalah sebanyak 100%. Bagi tahun 2022 dan seterusnya, KPLB Johor sedang menunggu kelulusan terbaru bagi pelaksanaan LJK ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 28 (A64)**

Adakah kerajaan mempunyai cadangan mewujudkan One Stop Centre Kenderaan Berat didalam DUN Layang-Layang?

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Layang-Layang, cadangan untuk mewujudkan *One Stop Centre* Kenderaan Berat di DUN Layang-Layang akan dipanjangkan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) untuk perincian serta tindakan selanjutnya.

Namun, pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barangan adalah dikehendaki meletakkan atau menyimpan kenderaan barangan yang dilesenkan di kawasan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan.

Menurut syarat pelesenan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), PBT mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pengendali berlesen yang gagal mematuhi prosedur sedia ada seperti mengeluarkan saman, kompaun atau seumpamanya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 29 (A53)**

Adakah kerajaan negeri Johor bercadang melakukan penstrukturan terhadap peruntukan ADUN berdasarkan jumlah pengundi sesebuah kawasan? Ini bagi memastikan kesaksamaan nilai dapat dicapai mengikut jumlah peruntukan dan jumlah penduduk di sesebuah DUN.

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Skudai, setakat ini, Kerajaan Negeri Johor masih mengekalkan peruntukan sebanyak RM200 ribu kepada kesemua 56 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor bagi tujuan pengurusan dan pentadbiran di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing.

Sebarang perubahan berkaitan peruntukan ini akan dibawa kepada Jawatankuasa Pilihan Dewan untuk dibincangkan dan seterusnya dibentangkan di dalam dewan rakyat.

Pemberian peruntukan ini diteruskan bagi membantu 56 ADUN memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 30 (A120)**

Apakah status penggunaan peruntukkan untuk masyarakat Cina dan India yang disalurkan melalui Yayasan Sultanah Fatimah dan Yayasan Sultanah Rogayah?

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Terima kasih Yang Berhormat Mengkibol atas soalan berkaitan status peruntukan untuk masyarakat Cina dan India yang disalurkan melalui Yayasan Sultanah Fatimah dan Yayasan Sultanah Rogayah.

Berikut adalah pecahan peruntukan yang telah disalurkan kepada setiap yayasan:

- i. RM2.4 juta diperuntukkan kepada Yayasan Sultanah Fatimah untuk masyarakat Cina.
- ii. RM4.2 juta diperuntukkan kepada Yayasan Sultanah Rogayah untuk masyarakat India.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 31 (A145)**

Bilakah kerajaan negeri akan melaksanakan Enakmen Akta Anti Lompat Parti dalam Perlembagaan Negeri Johor?

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Batu, Pada 04 Oktober 2022 melalui pemberitahuan dalam Warta, Yang di-Pertuan Agong telah menetapkan 05 Oktober 2022 sebagai tarikh Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta tersebut") mula berkuat kuasa kecuali seksyen 6.

Merujuk kepada seksyen 1(3) Akta tersebut yang memperuntukkan bahawa penetapan tarikh permulaan kuat kuasa seksyen 6 Akta tersebut oleh Yang di-Pertuan Agong, dengan persetujuan Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, disiarkan dalam Warta.

Selepas seksyen 6 berkuatkuasa di sesuatu Negeri, Negeri yang berkenaan hendaklah meminda Perlembagaan Negeri/Undang-Undang Tubuh Negeri masing-masing selaras dengan seksyen 6 Akta tersebut yang berhubung dengan pindaan Jadual Kelapan.

Untuk itu, kerajaan negeri masih menunggu penetapan tarikh permulaan kuat kuasa seksyen 6 selaras dengan seksyen 1 (3) Akta tersebut, sebelum apa-apa pindaan di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 boleh dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2022**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 32 (A65)

Nyatakan status terkini penggubalan Enakmen Anti-Lompat Parti negeri Johor dan strategi kerajaan negeri untuk membuat sesi libat bersama pemegang taruh dan Ahli Dewan Negeri dalam merangka Enakmen Anti-Lompat Parti yang lebih komprehensif di Johor.

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Perling, berikut adalah status terkini penggubalan Enakmen Anti-Lompat Parti Negeri Johor dan strategi kerajaan negeri bagi sesi libat bersama pemegang taruh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dalam merangka Enakmen Anti-Lompat Parti yang lebih komprehensif di Johor.

- i) Penetapan tarikh permulaan kuat kuasa Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 (selepas ini dirujuk sebagai “Akta tersebut”) kecuali seksyen 6 oleh Yang di-Pertuan Agong telah disiarkan dalam Warta pada 04 Oktober 2022 melalui Warta P.U (B) 476 dan berkuatkuasa pada 05 Oktober 2022.
- ii) Walau bagaimanapun, penetapan tarikh permulaan kuat kuasa seksyen 6 Akta tersebut oleh Yang di-Pertuan Agong, dengan persetujuan Raja atau Yang di-Pertua Negeri, masih lagi belum ditetapkan melalui Warta.
- iii) Selepas seksyen 6 berkuatkuasa di sesuatu Negeri, Negeri yang berkenaan hendaklah meminda Perlembagaan Negeri/Undang-Undang Tubuh Negeri masing-masing selaras dengan seksyen 6 Akta tersebut yang berhubung dengan pindaan Jadual Kelapan.
- iv) Pindaan Perlembagaan Negeri/Undang-Undang Tubuh tersebut hendaklah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli DUN, pada Bacaan Kali Kedua dan Bacaan Kali Ketiga.
- v) Seterusnya, Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Tubuh tersebut hendaklah mendapat perkenan Raja dan disiarkan dalam Warta.
- vi) Dari itu, proses ini hendaklah dipatuhi terlebih dahulu sebelum penggubalan Enakmen Anti-Lompat Parti Negeri Johor boleh dilaksanakan.